

Impak Pelancongan terhadap Kualiti Hidup Bandar: Perspektif Penduduk Putrajaya

(Tourism Impact on Urban Quality of Life: Perspectives from the Putrajaya Residents)

J. HAMZAH, A. HABIBAH, K.Z. NUR ATIQA, K.Z. NUR AMIRAH, I. MUSHRIFAH, A. C. ER, A. BUANG,
A.A. AHMAD NAZRIN & S. SRI WINARNI

ABSTRAK

Pelancongan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kualiti hidup atau kesejahteraan penduduk di sesebuah bandar. Kajian menunjukkan bahawa pelancongan boleh diterima secara positif oleh penduduk apabila mereka mendapat faedah daripada aktiviti pelancongan yang dijalankan. Artikel ini bertujuan menilai persepsi penduduk di Putrajaya terhadap pembangunan pelancongan sama ada mereka telah mendapat manfaat atau sebaliknya, dan seterusnya mempengaruhi tahap kualiti hidup mereka. Satu kajian dijalankan ke atas 200 responden penduduk yang menetap di Putrajaya. Lima petunjuk kualiti hidup telah digunakan dalam mengenal pasti tahap kesejahteraan penduduk - kebendaan/ekonomi, emosi, sosial dan budaya, komuniti dan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Kajian ini mendapati bahawa kesejahteraan emosi memperoleh purata min tertinggi iaitu 3.62 dan antara faktor tersebut ialah penerimaan kedatangan pelancong tanpa menjejaskan keselesaan dan kebahagiaan penduduk tempatan. Sementara itu, kesejahteraan kebendaan/ekonomi memperoleh purata min sebanyak 2.67, bermakna pelancongan hanya memberikan impak minimum daripada segi kesejahteraan penduduk. Ini kerana, majoriti penduduk merasakan bahawa mereka tidak terlibat secara aktif dalam perniagaan dan aktiviti pelancongan keusahawanan. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan pelancongan sememangnya mempengaruhi kualiti hidup penduduk yang tinggal di Putrajaya. Dengan usaha yang lebih bersepadu dan inklusif, Putrajaya akan menjadi salah satu contoh untuk mempromosi penyertaan penduduk bandar dalam aktiviti pelancongan.

Kata kunci: Pelancongan; kualiti hidup; kesejahteraan ekonomi; kesejahteraan emosi; komuniti

ABSTRACT

Tourism plays important roles in determining the level of community well-being or quality of life in a city. Studies show that tourism are positively perceived by residents when they benefit from tourism activities. This article aims to evaluate the perception of residents living in Putrajaya on tourism development whether they have gained benefits or otherwise, and thus affect the quality of their lives. This study was based on a field survey of 200 residents staying in Putrajaya. Five indicators of quality of life that determine the community well-being were accessed - the material/economic, emotional, social and cultural, community and environmental, health and safety. The results show that the emotional well-being were ranked the highest average mean 3.62 and among the underlying factors are acceptance of tourists' arrivals without compromising their comfort and happiness. Meanwhile, the material/economic well-being was at average mean of 2.67, which means that tourism had been affecting them at a minimal level of community well-being. This is because, majority residents felt that they did not involved actively in the business and entrepreneurial tourism related activities. This study concludes that tourism affect quality of life of Putrajaya residents. With more concerted efforts in making them more inclusive, Putrajaya will become one of the examples in promoting a well being and participative residents participation in urban tourism.

Keywords: Tourism; quality of life; economic well being; emotional well being; community

PENGENALAN

Pelancongan, tidak kira apa pun produk, aktiviti dan pengalaman yang dianjurkan oleh sesebuah destinasi, secara idealnya berkait rapat dan saling mempengaruhi kesejahteraan hidup atau kualiti hidup penduduk (Constanta 2009; Aref 2011; Kim 2002). Dalam konteks bandar, pelancongan merupakan salah satu penjana kepada kesejahteraan penduduk, sama ada di peringkat individu ataupun komuniti dan masyarakat umum. Bagi sebuah pusat pentadbiran negara seperti Putrajaya, fungsi dan peranannya dalam membina kesejahteraan penduduk diberikan prioriti utama, selain mempertingkatkan citra negara di mata dunia.

Peranan dan impak sektor pelancongan terhadap kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk telah banyak dibincangkan oleh pengkaji sama ada di negara maju, negara sedang membangun ataupun di sesebuah destinasi terkemuka (Andereck et al. 2007; Yu et al. 2011; Nieboer et al. 2005; Norizan 2003; Puczko & Smith 2001). Hubungan antara sektor pelancongan dan kualiti hidup terserlah dalam konstruk seseorang individu dan komuniti bukan sahaja dalam aspek ekonomi, sosial dan persekitaran, malah ia menjangkau kepada peranan penduduk sebagai pengguna, penggiat, perancang pembangunan dan pengusaha pelancongan (Moscardo 2009). Penelitian juga bukan sahaja berasaskan kajian empirikal tetapi juga menjangkau ukuran pencapaian antara destinasi dan bandar utama dunia (Wang et al. 2006; Renda et al. 2011).

Dalam konteks Malaysia, peranan pelancongan bandar dalam meningkatkan kualiti hidup penduduknya juga dijelaskan dalam beberapa polisi pelancongan dan pembangunan nasional. Walau bagaimanapun, kajian-kajian di Malaysia masih belum mendalami perkaitan antara aktiviti pelancongan dengan kualiti hidup penduduk secara komprehensif (Norizan 2003). Setakat ini, kajian kualiti hidup di negara ini lebih banyak mengaitkan aktiviti pelancongan dengan beberapa angkubah rekreasi yang utama sahaja, tanpa mendalami soal kesejahteraan penduduk secara lebih holistik. Dengan berpandangan bahawa pelancongan dan kualiti hidup adalah penting dalam menentukan kesejahteraan penduduk menjelang 2020, artikel ini bertujuan untuk menilai impak aktiviti pelancongan terhadap kualiti hidup atau kesejahteraan penduduk, dengan tumpuan kajian di Putrajaya.

PELANCONGAN DAN KUALITI HIDUP

Pelancongan mempunyai pelbagai definisi yang membawa pelbagai maksud, namun mempunyai tujuan dan objektif yang sama iaitu melibatkan pergerakan atau perjalanan ke sesuatu tempat dengan tujuan sama ada melihat alam semula jadi, berekreasi, berehat, bercuti, urusan pekerjaan atau motif yang lain.

Pelancong di sesebuah destinasi boleh terdiri daripada pelancong tempatan atau domestik, dan juga pelancong asing. Pelancong tempatan atau domestik boleh pula dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pengunjung harian dan pelancong domestik yang menetap di sesebuah kawasan atau destinasi pelancongan melebihi tempoh 24 jam.

Pelancongan merupakan sebuah industri yang kompleks sifatnya, dan merupakan satu sumber penjana pendapatan negara yang utama. Justeru, pelancongan tidak dapat tidak memberi kesan kepada negara dan masyarakat keseluruhannya sama ada secara positif, negatif atau kedua-duanya. Sektor ini juga dikatakan menjadi agen perubahan sosioekonomi penduduk bagi negara-negara sedang membangun. Saling hubungan antara pelancongan dan pelbagai aspek kualiti hidup di sesebuah destinasi telah mendapat perhatian beberapa orang pengkaji, misalnya oleh Moscardo (2009) dan Constanta (2009). Menurut Constanta (2009), pelancongan boleh meningkatkan kualiti hidup melalui pelbagai cara seperti berehat, bersantai, berekreasi, menambah ilmu pengetahuan dan deria rasa untuk penghayatan keindahan semula jadi dan estetik, dan sebagainya. Sementara itu, banyak penulisan akademik mengenai impak pelancongan secara tersirat sebenarnya membincangkan soal kualiti hidup penduduk ekoran pembangunan sektor pelancongan Aref (2011).

Menurut Puczko & Smith (2001), pelancongan berupaya meningkatkan kualiti hidup penduduk sama ada di peringkat nasional, negeri atau tempatan (Godfrey & Clarke 2000). Kajian Aref (2011) di Shiraz, Iran mendapati pelancongan telah menyerlahkan impak positif ke atas kualiti hidup penduduk terutama dari segi kesejahteraan emosi, kesejahteraan komuniti, pendapatan dan pekerjaan. Bagaimanapun, impak pelancongan ke atas aspek kesejahteraan kesihatan dan keselamatan tidak begitu ketara. Pandangan ini selaras dengan kajian-kajian awal, seperti yang diketengahkan oleh Mowforth & Munt (2003). Delibasics et al. (2008) juga telah membuktikan pembangunan industri pelancongan telah memberi faedah dari segi ekonomi seperti mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan masyarakat dan negara. Di Malaysia, kualiti hidup ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperoleh pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial setanding dengan aspirasi negara dan juga perubahan masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih baik (Unit Perancang Ekonomi 1999 dan 2004).

Kualiti hidup diukur untuk pelbagai tujuan terutamanya berkaitan aspek sosial, ekonomi dan politik. Kajian impak pelancongan terhadap kualiti hidup penduduk dilakukan bagi mengenal pasti penerimaan

penduduk terhadap pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi. Ini bagi memastikan industri dan aktiviti pelancongan dapat terus berkembang ataupun sebaliknya. Mathieson dan Wall (1982; 1991) mendefinisikan kesan pelancongan sebagai perubahan yang wujud melalui proses pembangunan pelancongan atau sebarang rangkaian kejadian dan peristiwa yang wujud hasil daripada aktiviti dalam sektor tersebut. Kesan ini timbul dalam bentuk perilaku dan tindakan manusia hasil daripada interaksi antara individu dengan agen-agen perubahan terutama pihak berkepentingan pelancongan. Beberapa sarjana menjelaskan bahawa penduduk yang kuat jalinan hubungannya dengan destinasi memberikan pandangan yang lebih positif, dan mereka lebih berkehendakkan perkongsian kos dalam pembangunan pelancongan. Sementara penduduk yang kuat jalinannya dengan pelancongan menilai kesan ekonomi dan sosial secara positif tetapi lebih menilai secara negatif kesannya terhadap alam sekitar (McCool & Martin 1996; Kim 2002; Michalkó et al. 2009).

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan perspektif yang dikemukakan oleh Aref (2012), dan mengambil kira aspek kesejahteraan sosio budaya dalam meneliti kesan pelancongan terhadap kualiti hidup penduduk. Dalam Rajah 1, kesejahteraan dalam kualiti hidup mempunyai lima domain iaitu kesejahteraan material/ekonomi, kesejahteraan emosi, kesejahteraan komuniti, kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan, dan kesejahteraan sosiobudaya. Kesejahteraan material/ekonomi merupakan kepuasan yang dimanifestasikan dalam bentuk kos sara hidup, pendapatan dan pekerjaan. Kesejahteraan emosi pula menekankan kepuasan daripada segi perasaan, mental dan rohani serta tidak terganggu dengan aktiviti pelancongan. Kesejahteraan kesihatan dan keselamatan pula berkait rapat dengan peluang dan keupayaan berekreasi serta melakukan aktiviti luar secara individu, famili dan kelompok sosial. Sementara kesejahteraan komuniti pula merangkumi pelbagai aspek kehidupan dan suasana yang menzahirkan penghargaan kepada ahli komuniti dan kejiiran. Kesejahteraan sosiobudaya menekankan aktiviti budaya, rekreasi, pertukaran budaya dan penyertaan sosial.

METODOLOGI KAJIAN

KAWASAN KAJIAN


Kajian ini dilakukan di Putrajaya, sebuah pusat pentadbiran negara yang telah dibangunkan hampir 15 tahun yang lalu. Pada peringkat awal pembangunan

ini, Putrajaya disasarkan agar menjadi sebuah pusat pentadbiran bercirikan bandar dalam taman. Berasaskan Pelan Struktur Putrajaya yang baru, 2015-2025, Putrajaya bukan sahaja menjadi satu pusat pentadbiran utama negara tetapi dipertanggungjawabkan menjadi pusat kebanggaan negara yang dapat dibanggakan di persada dunia. Kajian ini dijalankan di kawasan perumahan dan kawasan tumpuan serta interaksi penduduk di Putrajaya. Rasionalnya pemilihan kawasan ini disebabkan kesesuaian untuk mengamati kesan pelancongan dan kualiti hidup penduduk. Pada masa kini, Putrajaya kekal sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia. Seiring perkembangan pesat pembangunan negara, penduduk bandar meningkat kepada 71% pada 2010 berbanding 62% pada 2000 dan mempunyai paras urbanisasi 100%. Dalam tempoh 2000-2010, kadar pertumbuhan penduduk adalah sebanyak 17.8%. Dalam usaha kerajaan menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar vibrant, selamat, hijau dan mampan, tidak dapat tidak kualiti hidup penduduk yang tinggi menjadi faktor terpenting bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

REKA BENTUK KAJIAN DAN ANALISIS

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan data primer dan sekunder. Data primer diperoleh daripada kajian lapangan, manakala data sekunder diperoleh daripada kajian perpustakaan. Kajian ini dilaksanakan selama sebulan daripada 29 Oktober 2012 hingga 30 November 2012. Lokasi survei tertumpu kepada rumah responden dan kawasan kejiiran yang merupakan titik tumpu dan interaksi penduduk. Instrumen utama dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Merujuk Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, penduduk Putrajaya adalah seramai 72,413 orang. Bilangan sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah 217 responden, menggunakan persampelan bertujuan. Namun setelah soal selidik disemak, hanya 200 soal-selidik sahaja yang diguna pakai dalam kajian ini.

Bagi mengukur kesejahteraan berasaskan lima domain kualiti hidup, soalan direka bentuk secara skala Likert, dengan skala ukuran 1 hingga 4; iaitu sangat tidak setuju – 1, tidak setuju – 2, setuju – 3 dan 4 sangat setuju. Bagi penentu aras tinggi, skala pencapaian dibagi kepada 3 skala; iaitu, kurang 1 adalah rendah, sederhana adalah lebih 1 hingga 3 dan lebih daripada 3 hingga 4 adalah tinggi. Sementara itu, hubungan positif dan negatif adalah berasaskan min, di mana min rendah – adalah bersamaan negatif dan min yang mencapai aras sederhana dan tinggi adalah positif. Dengan menggunakan SPSS 16, data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan min.



RAJAH 1. Impak Pelancongan terhadap Kualiti Hidup

Sumber: Olahan daripada Aref, 2011

JADUAL 1. Latar Sosio-Demografi Responden

		Bilangan	%
Jantina	Lelaki	87	43
	Perempuan	113	57
Status Perkahwinan	Berkahwin	103	51
	Bujang	91	46
	Janda/Duda	6	3
Umur	0-19 tahun	6	3
	20-29 tahun	91	45
	30-39 tahun	74	37
	40-49 tahun	16	8
	50-59 tahun	11	6
	60-69 tahun	2	1
Bangsa	Melayu	185	93
	Cina	5	3
	India	5	3
	Lain-lain	5	2
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	4	2
	Sekolah Menengah	26	13
	Diploma/O-Level	90	45
	Sarjana Muda	67	34
	Sarjana/Ph.D	13	6
Jenis Pekerjaan	Pelajar	26	13
	Swasta	58	29
	Kerajaan	94	47
	Pesara	4	2
	Tidak Bekerja	18	9
Pendapatan Bulanan	Tiada pendapatan	27	13
	RM 900 & ke bawah	15	8
	RM 1,000-1,999	46	23
	RM 2,000-2,999	59	30
	RM 3,000-3,999	37	18
	RM 4,000-4,999	14	7
	RM 5,000 & ke atas	2	1
Bilangan	0-2 orang	18	9
Isi Rumah	3-4 orang	86	43
	5-6 orang	86	43
	7-8 orang	10	5
Lokasi Kediaman		34	17
		91	45
		5	2
		23	12
		18	9
		16	8
		13	7
Tempoh menetap di Putrajaya	kurang 5 tahun	117	58
	lebih 5 tahun	83	42

N=200 responden (100 peratus)


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan 200 responden yang terdiri daripada 113 responden perempuan dan 87 responden lelaki. Majoriti responden adalah Melayu dan telah berkahwin, dan berada dalam lingkungan kategori umur 20 hingga 29 tahun. Kebanyakan mereka terdiri daripada pekerja sektor awam dan memiliki tahap pendidikan Diploma atau O-Level dan berpendapatan dalam lingkungan RM2,000 hingga RM2,999 sebulan. Selain itu, kebanyakan responden yang ditemui menetap di Presint 9 dengan bilangan isi rumah antara 3 orang hingga 6 orang. Tempoh menetap adalah kurang daripada lima tahun.

Berdasarkan kajian, kesan pelancongan terhadap kualiti atau kesejahteraan hidup penduduk setempat secara keseluruhannya adalah positif (Jadual 1). Pembangunan pelancongan yang pesat di Putrajaya secara langsung mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka. Majoriti responden (68%) bersetuju pelancongan Putrajaya meningkatkan kualiti/kesejahteraan penduduk setempat. Hasil kajian mendapati min purata tertinggi diperoleh bagi aspek kesejahteraan emosi adalah sebanyak 3.62, manakala, aspek kesejahteraan material/ekonomi memperoleh min purata terendah iaitu 2.67. Perbezaan min antara setiap aspek kesejahteraan adalah tidak ketar, dan min kesejahteraan keseluruhan adalah tinggi iaitu 3.23 (Jadual 2 dan Rajah 2).

JADUAL 2. Min Keseluruhan Kesejahteraan Penduduk Kesan daripada Pelancongan

Kesejahteraan	Purata Min	Tahap
Emosi	3.62	Tinggi
Komuniti	3.06	Tinggi
Material/Ekonomi	2.73	Sederhana
Sosial dan Budaya	3.34	Tinggi
Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan	3.41	Tinggi
Kesejahteraan Keseluruhan	3.23	Tinggi



RAJAH 2. Nilai Min Setiap Aspek Kesejahteraan Penduduk terhadap Pelancongan

KESEJAHTERAAN EMOSI

Indikator kesejahteraan emosi bermaksud pelancongan membawa kesan positif kepada responden daripada segi penerimaan terhadap pelancong, aktiviti masa lapang dan keceriaan atau kebahagiaan. Hasil kajian mendapati, kesemua indikator yang dinilai tidak

mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan penduduk. Majoriti memberi sokongan terhadap pembangunan pelancongan dan tidak menjejaskan emosi mereka. Ini menunjukkan bahawa pelancongan memberi faedah kepada kesejahteraan emosi penduduk setempat (Jadual 3).

JADUAL 3. Kesejahteraan Emosi

Penerimaan Pelancong	<ul style="list-style-type: none"> • Responden (99%) bersedia menerima kehadiran atau kedatangan pelancong • Kedatangan pelancong tidak mendatangkan masalah. • Tahap penerimaan penduduk adalah baik dan memuaskan.
Aktiviti Masa Lapang	<ul style="list-style-type: none"> • Sebanyak 90% responden bersetuju penganjuran pelbagai aktiviti membolehkan penduduk mengisi masa lapang. • Mengikuti aktiviti hujung minggu seperti berkelah di taman, permainan kapal terbang kawalan di kawasan lapang, dan bersukan.
Keceriaan atau Kebahagiaan Penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Hampir keseluruhan responden merasa sangat bahagia bersama keluarga. • Keadaan ini menunjukkan persekitaran kehidupan di Putrajaya sangat sesuai untuk didiami. Walaupun kawasan kajian sering menjadi tumpuan pelancong, namun ini tidak mengganggu kehidupan mereka.

Malahan daripada jawapan yang diberikan bagi soalan ‘adakah mereka tertekan kepada kehadiran pelancong’; rata-rata memberikan jawapan tidak dan sebahagian besar memberikan sebab-sebab yang menyatakan tiada stress daripada pelancong. Sebaliknya, ‘saya gembira dengan kehadiran ramai pelancong’, dan ‘kecantikan dan keindahan Putrajaya tidak lengkap sekiranya tanpa kedatangan orang luar, orang luar perlu tahu kelebihan yang ada di sini.’ Malahan, ada yang menekankan ‘sekiranya aktiviti pelancongan diadakan, tidaklah sunyi Putrajaya dan ini memperluaskan promosi pusat pentadbiran negara kita pada mata dunia’.

KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Indikator kesejahteraan komuniti diukur dari segi persekitaran komuniti, interaksi komuniti, kemudahan komuniti dan semangat kemasyarakatan. Hasil kajian mendapati, indikator persekitaran komuniti, kemudahan komuniti yang disediakan dan semangat kemasyarakatan yang dinilai tidak terjejas dalam kehidupan penduduk

kecuali dari aspek interaksi komuniti iaitu layanan dan sikap keramahan penduduk terhadap pelancong (Jadual 4). Bagi majoriti penduduk, persekitaran komuniti adalah sangat kondusif kerana infrastruktur yang ada adalah yang terbaik disediakan kepada penduduk bandar. Tiada masalah penyediaan kemudahan kepada komuniti kerana setiap presint disediakan kemudahan kejiranan yang lengkap, bahkan ada kolam renang yang disediakan.

Walau bagaimanapun, apabila ditanya tentang interaksi dengan pelancong, 60% akur mereka tidak memberikan layanan secara langsung kerana mereka hanya bekerja dalam jabatan kerajaan. Namun, mereka percaya barisan hadapan telah mendapat latihan bagi membentuk citra kepada pelancong dan pengunjung luar. Jika ini dilihat dalam konteks konsentrasi pelancong dan interaksi pelancong, sememangnya interaksi sebenar bergantung kepada interaksi secara langsung pekerjaan itu dengan pelancongan. Ini sekali gus menunjukkan walaupun ada pengasingan secara ‘intentional’, hakikatnya pelancong dan penduduk secara umumnya tidak akan berinteraksi secara semula jadi.

JADUAL 4. Kesejahteraan Komuniti

Persekitaran Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Majoriti penduduk menyokong pembangunan pelancongan kerana memberikan faedah dan meningkatkan taraf hidup semua golongan. • Pelancong tidak menimbulkan kekacauan kepada penduduk. Ini kerana kawalan keselamatan pihak kerajaan mengawal setiap aktiviti. • Namun, kesesakan lalu lintas menghalang pergerakan penduduk.
Interaksi Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • 60% responden akur mereka tidak memberi layanan langsung kepada pelancong. • Majoriti bekerja dalam sektor kerajaan; dan wujud juga masalah komunikasi antara pelancong -penduduk setempat.
Kemudahan Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Responden (80%) bersetuju kemudahan komuniti mencukupi bagi keperluan semua penduduk. Hal ini kerana, peranan pihak berkuasa tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya dan Putrajaya Holdings mempunyai pelan perancangan dalam menyediakan kemudahan komuniti.
Semangat Kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan meningkatkan semangat kemasyarakatan. • Sifat tolong menolong dan bermuafakat sesama jiran/rakan sekerja sangat baik. • Kebanyakan kawasan kediaman - jenis Pangsapuri menyebabkan penduduk saling tolong menolong satu sama lain.

KESEJAHTERAAN MATERIAL/EKONOMI

Dalam kajian ini, kesejahteraan material atau ekonomi bererti pelancongan telah membawa kesan yang positif kepada responden dari segi pendapatan, peluang pekerjaan, keusahawanan dan taraf hidup. Hasil kajian mendapati, kesemua indikator tidak mendatangkan kesan negatif dalam kehidupan penduduk. Ini sekali gus mengiyakan pandangan bahawa pelancongan memberi faedah kepada kesejahteraan ekonomi setempat. Secara terperinci, hasil kajian diringkaskan dalam Jadual 5. Walaupun mereka seorang pekerja sektor awam, namun mereka sedar sumbangan pelancongan kepada pendapatan dan peluang pekerjaan adalah ketara. Bagi acara bertema yang diadakan, mereka yang

terlibat dalam perniagaan berpeluang menggandakan jualan mereka. Golongan peniaga di sekitar kawasan Putrajaya juga menyambut baik peluang membuka gerai semasa pelbagai program yang diadakan. Sementara itu, persatuan penduduk juga memberikan respons yang positif kerana mereka juga turut terlibat bagi meningkatkan sumber ekonomi komuniti.

Sementara itu, responden juga ditanya tentang tahap keterlibatan mereka dalam sektor pelancongan secara aktif dan tidak aktif di pelbagai peringkat, sama ada aktif ataupun tidak di pelbagai peringkat terutama sebagai pengguna, pengusaha dan tuan rumah. Kajian menunjukkan hampir keseluruhan tempat atau kawasan pelancongan telah dikunjungi oleh penduduk selama

JADUAL 5. Kesejahteraan Kebendaan/Ekonomi

Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> 69% menyatakan pelancongan menyumbang kepada pendapatan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kepelbagaian aktiviti atau acara mampu memberi faedah dan pulangan kepada ekonomi penduduk. Melalui perniagaan pelancongan; peluang membuka agensi pelancongan dan menyediakan perkhidmatan pelancong juga mampu menjana ekonomi penduduk setempat.
Peluang Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> Pelancongan beri peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Tenaga pekerja yang ramai selalunya diperlukan dalam menjayakan setiap aktiviti pelancongan yang dilaksanakan. Maka penduduk dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka seiring dengan pembangunan yang berlaku di kawasan mereka.
Taraf Hidup	<ul style="list-style-type: none"> Pelancongan memberi faedah kepada komuniti dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk melalui perbelanjaan pelancong. Secara tidak langsung akan meningkatkan ekonomi penduduk dalam mengikuti program dan acara yang diadakan seperti berniaga dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia-belie tempatan serta suri rumah.
Usahawan	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti pelancongan membuka peluang kepada penduduk untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Penduduk berpeluang membekalkan barangan ataupun perkhidmatan dalam memenuhi permintaan pelancong. Taraf hidup yang lebih baik membuatkan mereka menceburkan diri dalam bidang usahawan pelancongan ini terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah.
Kos Hidup	<ul style="list-style-type: none"> Anggaran jumlah perbelanjaan harian mereka ke destinasi pelancongan di Putrajaya melibatkan empat kategori iaitu perbelanjaan dari segi makanan, pengangkutan, bayaran perkhidmatan dan kemudahan penginapan/hotel adalah memuaskan. Harga barang dan perkhidmatan semakin meningkat disebabkan oleh pelancongan di kawasan kajian disebabkan permintaan yang tinggi daripada mereka Sebaliknya, 72% tidak bersetuju bahawa harga hartanah dalam komuniti akan meningkat disebabkan oleh pelancongan. Hal ini disebabkan pelancongan tidak memberi kesan kepada kenaikan harga hartanah di kawasan setempat.

mereka menetap di Putrajaya. Tiga destinasi atau tarikan yang menjadi pilihan utama adalah Pusat Membeli-belah Alamanda, Dataran Putrajaya dan Tasik Putrajaya, di atas beberapa sebab; kedudukannya strategik, terletak berhampiran dengan kediaman dan aktiviti harian termasuk membeli barangan keperluan dan makan-makan. Sementara itu dalam konteks

keterlibatan sebagai tuan rumah, hanya sepertiga sahaja yang menyatakan mereka secara individu dan keluarga terlibat selaku tuan rumah dalam aktiviti pelancongan. Paling kurang menyerlah adalah pada tahap keterlibatan mereka sebagai pengusaha dalam perkhidmatan yang berkait langsung dengan pelancongan (Jadual 6).

JADUAL 6. Penglibatan Penduduk dan Ahli Keluarga Selaku Tuan Rumah dalam Aktiviti Pelancongan dan Keusahawanan Pelancongan

Penglibatan		Bilangan	Peratus	
Penglibatan sebagai tuan rumah	Penglibatan Individu	Tidak	123	61
		Ya	77	39
	Penglibatan Ahli Keluarga	Tidak	107	53
		Ya	93	47
Penglibatan sebagai usahawan pelancongan	Ya	78	39	
	Tidak	122	61	

N= 200 responden (100 peratus)

KESEJAHTERAAN SOSIAL DAN BUDAYA

Indikator kesejahteraan sosial dan budaya melibatkan beberapa pengukuran yang ditunjukkan dalam Jadual 7 yakni dari segi hiburan, peluang rekreasi, pertukaran budaya dan penyertaan sosial. Hasil kajian mendapati, indikator hiburan dan peluang rekreasi tidak menjejaskan kehidupan penduduk kecuali pertukaran budaya dan penyertaan sosial. Majoriti responden tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial dalam komuniti. Alasan utama

yang diberikan ialah k masa yang terluang. Pada mereka, aktiviti budaya lebih kepada kesenian dan keseronokan sahaja. Walhal aktiviti budaya sebenarnya lebih luas, menjangkau kehidupan mereka. Oleh kerana tarikan dan acara diadakan kawasan tumpuan, pertukaran budaya sehari-hari tidak begitu ketara. Malah, bas persiaran jarang kelihatan melalui kawasan-kawasan perumahan sebagai usaha membawa pelancong bersiar melihat komuniti setempat.

JADUAL 7. Kesejahteraan Sosial dan Budaya

Hiburan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan membolehkan penduduk menikmati hiburan bersama keluarga. • Kepelbagaian aktiviti pelancongan anjuran pihak kerajaan atau swasta adalah berkonsepkan hiburan keluarga meliputi semua golongan dan ini membantu mengurangkan tekanan pekerjaan.
Peluang Rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancongan memberi peluang untuk menyertai aktiviti sukan dan rekreasi. Dengan adanya konsep sukan dan rekreasi yang diterapkan dalam acara pelancongan; penduduk dapat menyertai aktiviti tersebut.
Pertukaran Budaya	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan pada tahap kurang memberangsangkan. Majoriti responden (77%) tidak mempunyai minat yang tinggi dalam aktiviti ini. Hal ini kerana, konsep acara pelancongan yang dianjurkan tidak mengkhusus kepada pertukaran budaya. • Pembangunan pelancongan tidak merosakkan budaya masyarakat seperti bahasa dan makanan. Hal ini kerana, setiap acara pelancongan yang dianjurkan melalui prosedur dan kelulusan pihak Perbadanan Putrajaya.
Penyertaan Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan penduduk mampu memberi sumbangan kepada komuniti. Antara aktiviti sosial ialah aktiviti gotong-royong, sukarelawan dan berbasikal. Namun, majoriti 2/3 responden (62%) tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial dalam komuniti mereka. Ketidaktifan adalah disebabkan komitmen terhadap kerja dan masa lapang terhad.

Menyedari hakikat penyertaan dalam kebudayaan masih di tahap yang rendah, pada tahun 2013, Perbadanan Putrajaya mula mengadakan aktiviti kebudayaan dan sosial pada setiap petang hari minggu, bertujuan mengisi waktu senggang penduduk. Antara aktiviti yang dijalankan seperti jualan bazar, aktiviti sosial dan permainan tradisi. Dengan promosi yang lebih luas, konsep aktiviti budaya dalam pelancongan akan difahami dan dipraktis secara lebih jelas.

Respons positif bagi aspek kesejahteraan alam sekitar, keselamatan dan kesihatan diperolehi kerana para responden berpendapat aktiviti pelancongan bukan menjadi faktor berlakunya perkara yang negatif seperti kecurian dan ancaman penyakit. Kecurian yang berlaku lebih kerap dikaitkan dengan kehadiran pekerja asing di luar kawasan Putrajaya. Sementara ancaman penyakit yang dikaitkan dengan kehadiran pelancong tidak berlaku lagi di Putrajaya, kerana bagi mereka interaksi dan titik temu dengan orang asing hanya lebih ketara dalam ruang awam dan tapak pelancongan.

KESEJAHTERAAN ALAM SEKITAR, KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Sememangnya persekitaran yang lestari, sihat dan selamat menjadi matlamat Putrajaya sebagai bandar dalam taman. Bagi responden, kesemua indikator yang dinilai tidak mendatangkan kesan negatif dalam kehidupan penduduk. Majoriti responden berpendapat aspek persekitaran, kesihatan dan keselamatan masih berada dalam keadaan terpelihara dan terkawal. Ini menunjukkan pelancongan memberi faedah kepada kesejahteraan kesihatan dan keselamatan penduduk setempat (Jadual 8).

Secara keseluruhannya, pelancongan telah menyumbang secara positif kepada kesejahteraan penduduk dalam lima dimensi mengikut rank berikut iaitu kesejahteraan emosi, kesejahteraan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, kesejahteraan sosial dan budaya, kesejahteraan komuniti dan kesejahteraan material/ekonomi. Beberapa dimensi seperti interaksi komuniti, pertukaran budaya dan penyertaan sosial mendapat pandangan negatif dari warga Putrajaya (Jadual 9).

JADUAL 8. Kesejahteraan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan

Kualiti Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan pelancongan tidak merosakkan alam sekitar (65%). • Pelancongan mesra alam kerana adanya pelbagai hidupan hijau di kawasan kajian dan penerapan konsep Bandar dalam Taman Perbadanan Putrajaya • Kualiti alam sekitar di Putrajaya sangat memuaskan. Hal ini kerana, kawalan dan kerja-kerja pembersihan berkala dan sistematik.
Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan asas kesihatan baik dan memuaskan untuk keperluan penduduk. Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan asas kesihatan penduduk.
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Kedatangan pelancong menggugat keselamatan penduduk setempat. • Tahap kawalan keselamatan (rondaan polis/rukun tetangga) sangat baik di kawasan kejiranan.
Jenayah	<ul style="list-style-type: none"> • Kekerapan kes jenayah sangat rendah. • Kekerapan rondaan pihak berkuasa membantu mencegah jenayah terus berleluasa.
Pengurusan sisa/sampah	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan pelancong yang ramai menyumbang peningkatan bilangan sampah dalam setiap aktiviti penganjuran pelancongan. Namun pengurusan sisa pepejal yang cekap menjamin kebersihan kawasan dan semasa penganjuran acara.

JADUAL 9. Pandangan Penduduk terhadap Kesan Pelancongan ke atas Kesejahteraan Penduduk Setempat

Aspek Kesejahteraan		Pandangan Penduduk
Emosi	▪ Penerimaan pelancong	Positif
	▪ Aktiviti masa lapang	Positif
	▪ Keceriaan/kebahagiaan penduduk	Positif
Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan	▪ Kualiti alam sekitar	Positif
	▪ Kesihatan	Positif
	▪ Keselamatan	Positif
	▪ Jenayah	Positif
	▪ Pengurusan sisa/sampah	Positif
Sosial dan Budaya	▪ Hiburan	Positif
	▪ Peluang rekreasi	Positif
	▪ Pertukaran budaya	Negatif
	▪ Penyertaan sosial	Negatif
Komuniti	▪ Persekitaran komuniti	Positif
	▪ Interaksi komuniti	Negatif
	▪ Kemudahan komuniti	Positif
	▪ Semangat kemasyarakatan	Positif
Material/Ekonomi	▪ Pendapatan	Positif
	▪ Peluang pekerjaan	Positif
	▪ Usahawan	Positif
	▪ Kos hidup	Positif
	▪ Taraf hidup	Positif

Kajian ini memperlihatkan bahawa pelancongan memberikan kesan positif kepada penduduk Putrajaya, selari dengan dapatan kajian oleh Kim (2002) dan Aref (2011). Penambahan satu lagi domain dalam kajian ini, iaitu kesejahteraan sosial dan budaya memperkukuhkan lagi pengukuran kesan pelancongan kepada kualiti hidup, memperkuat lagi saling kaitan antara pelancongan dan penduduk setempat. Aspek sosial dan budaya perlu diambil kira dalam menentukan kualiti hidup penduduk, kerana konsep kualiti hidup penduduk seharusnya merentasi pelbagai tahap iaitu dari segi kesejahteraan emosi, komuniti, ekonomi, sosial dan persekitaran.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan pelancongan mempengaruhi kualiti hidup penduduk di Putrajaya dengan majoriti responden memberikan respons yang positif. Lima domain kesejahteraan yang dibangunkan bagi meneliti impak sektor pelancongan terhadap kualiti hidup penduduk menunjukkan bahawa kesan keseluruhan adalah tinggi. Kesemua aspek dalam domain emosi, ekonomi, komuniti dan kesihatan, dan keselamatan adalah positif, sementara sebahagian domain kesejahteraan sosial dan budaya mempunyai hubungan yang negatif. Ini kerana penduduk merasakan

pelancongan tidak mendatangkan kesan kepada penglibatan dan pertukaran budaya yang ketara. Hakikat ini tidaklah mengejutkan kerana secara umumnya pelancongan sememangnya agak terpisah daripada ruang kehidupan harian penduduk. Dengan penumpuan acara-acara pelancongan di kawasan tumpuan utama, penduduk tidak merasakan acara-acara ini menjejaskan dan mengancam sosio budaya penduduk secara keseluruhannya. Dapatan kajian ini sekurang-kurangnya menambah ruang pengamatan kepada kesejahteraan sosio dan budaya sebagai tambahan kepada empat domain, seperti yang dikemukakan oleh Kim (2002) dan Aref (2011).

Penelitian kesan pelancongan terhadap kualiti hidup penduduk juga membuka ruang untuk menambah baik perspektif kualiti hidup kebangsaan yang agak terhad tafsirannya. Beberapa saranan bagi meningkatkan sumbangan pelancongan terhadap kualiti hidup berkait rapat dengan betapa rapatnya penduduk dengan pelancongan. Respons yang berbeza dalam kalangan penduduk perlu diberikan perhatian, agar mereka dapat menerima pelancongan secara holistik. Dengan menyedari penduduk Putrajaya terdiri daripada penduduk tetap dan sementara, usaha untuk mendapatkan respons positif adalah lebih mencabar. Penduduk yang bekerja di sektor awam akan saling bertukar, dan ini membayangkan kefahaman penduduk dalam hal ini akan sentiasa berubah.

Hasil kajian turut mengesan keterlibatan penduduk dalam sektor pelancongan daripada peringkat individu, keluarga dan komuniti. Ini secara langsung dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk. Dengan usaha yang lebih bersepadu dan inklusif, Putrajaya akan menjadi salah satu contoh untuk mempromosi penyertaan penduduk bandar dalam aktiviti pelancongan. Penyertaan dan penglibatan penduduk dalam aktiviti dan acara pelancongan perlu digalakkan tanpa mengira peringkat umur dan status sosial dalam memberi sokongan terhadap pelancongan di bandar ini. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara telah menjadi pemacu dalam mencapai matlamat tersebut. Kesimpulannya, pelancongan mampu menyerlahkan kualiti hidup penduduk yang tinggi, seiring dengan wawasan negara menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar yang vibrant, selamat, hijau dan lestari.

PENGHARGAAN

Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perbadanan Putrajaya yang secara langsung memberikan sokongan dalam menjayakan kajian ini terutama bagi mendapatkan kerjasama penduduk.

RUJUKAN

Andereck, K. L., Valentine, K. M., Vogt, C. A. & Knopf, R.C. 2007. A cross-cultural analysis of tourism and quality of life perceptions. *Journal of Sustainable Tourism* 15(5): 483-502.

- Aref, F. 2011. The effects of tourism on quality of life: A Case Study of Shiraz, Iran. *Life Science Journal* 8(2): 26-30.
- Constanta, E. 2009. The impact of tourism in enhancing the quality of life. *Review of International Comparative Management* 10(2). http://www.rmci.ase.ro/no10vol2/Vol10_No2_Article13.pdf
- Delibasic, K., Rodriguez, L & Yliruusi. 2008. Quality of life and tourism in Budečsko. Master of Science in Environmental Management and Policy IIIIEE, Lund University, Sweden. [http://www.cenia.cz/_C12572160037AA0F.nsf/\\$pid/CPRJ6WECYXIH/\\$FILE/SED%20Budec%20final%20report.pdf](http://www.cenia.cz/_C12572160037AA0F.nsf/$pid/CPRJ6WECYXIH/$FILE/SED%20Budec%20final%20report.pdf)
- Godfrey, K. & Clarke, J. 2000. *The Tourism Development Handbook: A Practical Approach to Planning and Marketing*. London: Continuum.
- Kim, K. 2002. The Effects of Tourism Impacts Upon Quality of Life of Residents in the Community. Ph.D Thesis, Faculty of the Virginia Polytechnic Institute and State University. Blacksburg, Virginia.
- Mathieson, A. & Wall, G. 1982. *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. London: Longman.
- Mathieson, A. & Wall, G. 1991. *Pelancongan: Impak Ekonomi, Fizikal dan Sosial*. Terj. Abdul Kadir Hj. Din. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCool, S. F. & Martin, S. T. 1994. Community attachment and attitudes toward tourism development. *Journal of Travel Research* 32(3): 29-34.
- Michalkó, G., Kiss, K., Kovács, B. & Sulyok, J. 2009. The impact of tourism on subjective quality of life among Hungarian population. *Hungarian Geographical Bulletin* 58(2): 121-136.
- Moscardo, G. 2009. Tourism and quality of life: towards a more critical approach. *Tourism and Hospitality Research* 9(2): 159-170.
- Mowforth, M. & Munt, I. 2003. *Tourism and Sustainability. Development and New Tourism in the Third World*. London: Routledge Publishing.
- Nieboer, A. L., Boomsma, S. A. & Van Bruggen, A.C. 2005. Dimensions of well-being and their measurement: The spf-II scale. *Social Indicators Research* 73(3): 313-353.
- Norizan, A.G. 2003. *Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. Tesis Ph.D, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Perbadanan Putrajaya. *Draf Rancangan Struktur Putrajaya 2025*.
- Perbadanan Putrajaya. t.th. *Rangka Tindakan Pelan Strategik KWPKB 2010-2013*. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.
- Puczko, L., & Smith, M. 2001. Tourism specific quality of life index: The Budapest model. Dlm. *Quality of Life Community Indicators for Parks, Recreation and Tourism*, disunting oleh M. Budruk & R. Phillips. Springer.

- Renda, A. I., Mendes, J.D.C & Do Valle, P. O. 2011. A Structural Model Approach of Residents' Perception of Tourism Impacts in Their Own Quality of Life: The Municipality of Loulé, Algarve. Book of Proceedings Vol.II – International Conference on Tourism & Management Studies – Algarve.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 1999. *Laporan Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 2004. *Kualiti Hidup Malaysia*. Kuala Lumpur Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Wang, Y., Pfi Ster, R. E. & Morais, D.B. 2006. Residents' attitudes toward tourism development: A case study of Washington. Proceedings of the 2006 Northeastern Recreation Research Symposium GTR-NRS-P-14.
- Yu, C-P., Chancellor, H. C. & Cole, S. T. 2011. Examining the effects of tourism impacts on resident quality of life: Evidence from rural Midwestern Communities In USA. *International Journal of Tourism Sciences* 11(2): 161-186.

Hamzah Jusoh, Ph.D.
 Habibah Ahmad, Ph.D.
 Er Ah Choy, Ph.D
 Amriah Buang, Ph.D
 Mohd Fuad Mat Jali, Ph.D
 A.A. Ahmad Nazrin
 S. Sri Winarni
 K.Z. Nur Atiqah
 K.Z. Nur Amirah,
 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 e-mel: hj@ukm.my
 ha@ukm.my
 erahchoy@yahoo.com
 amriah@ukm.my
 fuad@ukm.my

Mushrifah Idris, Ph.D
 Pusat Penyelidikan Tasik Chini,
 Fakulti Sains dan Teknologi
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
 e-mel: mushrifahidris@gmail.com